

17 JUL 2001

Effendi-Eksport

KEMENTERIAN SIASAT KES EKSPORT UDANG DITOLAK NEGARA PENERIMA

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Kementerian Pertanian sedang menyiasat laporan mengenai kes sebuah kontena mengandungi udang untuk eksport ditolak oleh negara penerima baru-baru ini kerana didapati tidak mematuhi piawaian antarabangsa.

Menteri berkenaan Datuk Effendi Norwawi berkata beliau sedang menyiasat perkara itu kerana syarikat pengeksporth udang berkenaan telah melakukan perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang bukan sahaja turut mencemar reputasi syarikat pengeksporth udang yang lain, tetapi juga nama baik Malaysia.

Kementerian itu akan berbincang dengan Kementerian Kesihatan bagi mempertingkatkan langkah pengawasan dan memastikan bahan makanan yang dieskport mematuhi piawaian antarabangsa daripada segi mutu dan keselamatan, katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2001 di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2001 itu di Ladang Infoternak, Sungai Siput, Perak pada 11 Ogos.

Effendi tidak menyebut nama syarikat terbabit atau negara yang menolak penghantaran udang itu tetapi menyatakan rasa kesalnya dengan kejadian itu.

"Untuk kepentingan negara semua syarikat yang mengeksporth bahan makanan perlu berusaha keras dalam menentukan barangan mereka berkualiti dan mematuhi piawaian antarabangsa," katanya.

Effendi berkata bagi mengelakkan perkara itu berulang, kerjasama antara syarikat swasta dengan kementerian berkenaan serta agensi di bawahnya perlu dipertingkatkan.

Justeru, katanya jawatankuasa perundingan antara Kementerian dengan sektor swasta telahpun diwujudkan bagi membolehkan pertukaran idea mengenai penggunaan teknologi pertanian moden selain berusaha menangani sebarang masalah yang timbul.

Beliau berkata jawatankuasa seumpama itu juga telah diwujudkan di peringkat negeri serta di semua pejabat agensi di bawah kementerian itu.

Mengenai sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan beliau berkata sambutan selama seminggu itu akan memberi peluang kepada sektor swasta menonjolkan inovasi dalam bidang pertanian selain membolehkan para peladang, penternak serta nelayan mempromosikan hasil keluaran mereka.

Sambutan itu juga, katanya akan dapat menarik minat peladang, penternak serta nelayan untuk menceburi bidang pertanian moden sejajar dengan tema sambutan iaitu "Pertanian Moden Membina Negara."

-- BERNAMA

AKT ZS NMO